

Abstrak

NAZMAH BINTI MUSTAPHA. Adat-Istiadat Masyarakat Jawa Dari Perspektif Islam: Suatu Kajian Di Daerah Batu Pahat. Tesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, 2004.

Penghijrahan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu ketika pemerintahan British telah meninggalkan suatu kesan yang besar di mana orang-orang Jawa telah berjaya menempatkan kelompok mereka dalam masyarakat tempatan. Kedatangan mereka membawa bersama unsur-unsur kebudayaan yang merangkumi aspek sosial termasuklah adat-istiadat dan amalan kepercayaan Jawa. Sebagaimana yang diketahui, kebudayaan Jawa yang dibawa dari Pulau Jawa telahpun bercampur aduk dengan unsur-unsur kebudayaan Hindu dan Islam. Hasil daripada proses asimilasi ini telah menyebabkan adat-istiadat Jawa turut dipengaruhi oleh unsur-unsur tersebut dan masih dapat dilihat sehingga ke hari ini. Justeru itu, penulisan disertasi ini tertumpu kepada adat-istiadat masyarakat Jawa dari perspektif Islam.

Adapun masalah-masalah yang dikaji dalam tesis ini adalah:

1. Bila dan bagaimana kemasukan orang Jawa ke Tanah Melayu.
2. Apakah unsur-unsur utama yang terdapat dalam adat-istiadat tradisional Jawa.
3. Adakah adat-adat Jawa yang diamalkan oleh masyarakat Jawa pada hari ini mempunyai unsur-unsur yang bertepatan dengan kehendak Islam.
4. Adakah masyarakat Jawa di Batu Pahat masih mengamalkan kesemua adat-istiadat tradisional Jawa di dalam kehidupan mereka seharian

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, penulis melakukan kajian dengan menggunakan beberapa metode iaitu metode sampling, metode pengumpulan data dan metode analisis data.

Hasil kajian yang didapati adalah sebagaimana berikut:

1. Kedatangan orang-orang Jawa ke Tanah Melayu adalah bermula pada abad ke-19 ketika zaman pemerintahan British di Tanah Melayu yang menggalakkan kemasukan beramai-ramai penghijrah luar untuk dijadikan pekerja di dalam sektor pertanian.
2. Unsur-unsur utama yang terdapat dalam adat-istiadat tradisional Jawa adalah berpangkal kepada kebudayaan Hindu. Namun setelah Islam bertapak di Pulau Jawa, pengaruh Hindu di dalam adat-istiadat Jawa telah berbaur dengan ajaran Islam.
3. Sebahagian besar daripada adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat Jawa Batu Pahat adalah bertepatan dengan kehendak Islam dan mempunyai banyak kesamaan dengan nilai-nilai murni yang disarankan dalam Islam.
4. Masyarakat Jawa di Batu Pahat masih mengamalkan adat-istiadat tradisional Jawa yang diwarisi dan meninggalkan adat-adat yang dianggap bercanggah daripada perspektif Islam.

Abstracts

NAZMAH BINTI MUSTAPHA. Javanese Customs From Islamic Perspectives: A Study In The District Of Batu Pahat.

The migration of Javanese from the Island of Java to The Malay Peninsular during the British colonization had brought a significant impact to the local society. They were able to form their own community and brought along with them their customs, beliefs and practices. It was well known that customs the Javanese brought were a mixture of Islamic and Hindu traditions, hence the same versions of customs are still being practiced until now. It is the task of this dissertation to evaluate the customs of Javanese community in Malaysia from the Islamic perspective.

In this dissertation, the areas the studies are as follow:

1. When and how The Javanese migrated to The Malay Peninsular.
2. What are the main elements found in the traditional Javanese customs.
3. Do the customs practiced by the Javanese community adhere to the Islamic perspective.
4. Are the Javanese communities in the district of Batu Pahat still practicing all the traditional Javanese customs in their everyday life

The writer used various methods in the study such as sampling, collecting and analyzing of data. Below are the main conclusions of the study:

1. The Javanese started to migrate to The Malay Peninsular in the 19th century when the British ruler at that time was encouraging mass migration of foreigners to work in their plantations.
2. Main elements of the Javanese customs were based on the Hindu customs. However when Islam gained ground in the Javanese society, their customs were influenced by Islamic beliefs.
3. Majority of the customs as practiced by the Javanese communities in the districts of Batu Pahat are much in line with values and teachings of Islam.
4. Javanese communities in the district of Batu Pahat are still practicing traditional Javanese customs and had discarded customs which are viewed as against the teaching of Islam.